

## **08/10/2016 - Majlis Konvokesyen UTHM ke-16**

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Bin Dalimin,**

Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,

Yang Berbahagia Ahli-Ahli Lembaga Pengarah,

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor,

Ahli-ahli Senat dan Pegawai-pegawai kanan universiti,

Yang kita raikan, Para Graduan,

Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin yang dihormati sekalian.

### **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita berhimpun bersama di Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada petang ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin memanjangkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja UTHM atas kejayaan dalam menempatkan UTHM setanding dengan Universiti-Universiti ternama yang lain. Walaupun baru menjangkau usia 23 tahun, UTHM telah melakar kejayaan yang amat membanggakan khususnya dalam pelbagai bidang seperti akademik, penerbitan, khidmat kemasyarakatan, penyelidikan, inovasi dan perundingan.

3. Kita juga seharusnya turut berbangga apabila Universiti ini telah berjaya menghasilkan **hampir tiga puluh ribu graduan** yang telah berjaya mengisi pasaran kerja di pelbagai sektor dan industri, sama ada di dalam atau di luar Negara. Syabas diucapkan!.

4. Saya berharap, setiap warga kerja Universiti akan terus berusaha dalam meningkatkan lagi tradisi kecemerlangan Universiti dari semasa ke semasa.

YBhg.Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

5. Izinkan saya untuk menyampaikan sedikit pesanan kepada para graduan sekalian.

6. Saya percaya, selama empat tahun atau lebih, saudara-saudari telah mengharungi pelbagai liku dan cabaran dalam **menimba ilmu dan mengasah kemahiran** di Universiti ini. Aktiviti mahupun program seperti mencerap ilmu di bilik kuliah, mengasah kemahiran di bengkel dan makmal, menjana pengetahuan di perpustakaan, menyubur bakat di lapangan, dan mempertajam emosi dan jasmani di medan kokurikulum, pastinya, akan terpahat sebagai memori yang indah dalam hidup saudara-saudari semua selepas ini.

7. Apa yang saudara-saudari lalui tersebut, merupakan satu proses yang akan membantu untuk **membentuk minda, intelek dan jati diri di dalam diri masing-masing**. Hasil tersirat daripada segala penat lelah ini adalah bukan mengenai meraih segulung ijazah sahaja tetapi ia adalah mengenai **pembangunan diri dan perjalanan hidup** saudara dan saudari sekalian.

8. Mungkin ada dalam kalangan saudara dan saudari amat cekap khususnya dalam bidang kejuruteraan elektrik atau elektronik mahupun mempunyai pengetahuan yang lebih mendalam khususnya dalam bidang teknologi makanan, automasi industri atau tekstil industri. Walau bagaimanapun, dalam persaingan untuk memasuki pasaran pekerjaan, kelulusan akademik sahaja belum tentu menjanjikan seseorang itu boleh menjawat jawatan yang dicita-citakan. Sebaliknya, individu yang **memiliki pelbagai kemahiran** di samping **akademik yang baik** sudah pasti dapat memenuhi kriteria yang diperlukan oleh para majikan. Oleh hal yang demikian, saudara dan saudari seharusnya memperengkap diri dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan sebelum melamar sebarang pekerjaan.

9. Antara kemahiran terpenting yang harus dikuasai ialah **kemahiran berkomunikasi**. Kemahiran ini adalah amat perlu dimiliki oleh saudara dan saudari dalam melontarkan idea dengan yakin, memberi pendapat yang membina, membuat rundingan atau mampu menyampaikan pembentangan yang cekap dan berkesan. Kebolehan dalam berkomunikasi juga memberikan ruang untuk **berinteraksi dengan lebih baik** di pelbagai peringkat sama ada di organisasi mahupun berhadapan dengan klien.

Para graduan yang saya hormati sekalian,

10. Melihat kepada kepesatan dan perubahan ke arah globalisasi, signifikan menguasai **pelbagai bahasa** memang tidak dapat dielakkan lagi. Keupayaan seseorang menguasai pelbagai bahasa memberikan ruang yang luas dalam menjalinkan jaringan komunikasi dan seterusnya berpeluang untuk mendapat pelbagai peluang kerjaya.

11. Individu kini tidak lagi boleh bergantung kepada bahasa ibunda semata-mata malah hendaklah kita menyedari bahawa kejayaan seseorang teknokrat dan profesional pada hari ini bukan hanya ditunjangi oleh kemantapan ilmu dan kemahiran sahaja malah dengan adanya penguasaan pelbagai bahasa.

12. Selain kemahiran berkomunikasi dan penguasaan pelbagai bahasa, apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu mudah diterima di dalam mana-mana agensi mahupun organisasi?. Ingin saya berkongsi di sini, mengenai salah satu statistik permohonan jawatan dalam Kerajaan. Permohonan jawatan bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) bagi tahun 2016 adalah sebanyak **104,411 permohonan** dan daripada jumlah ini hanya **383 calon** yang layak telah terpilih dan kini sedang mengikut kursus Kadet PTD di INTAN.

13. Ini menunjukkan, terdapat banyak persaingan yang hebat di luar sana dan sewajarnya, sebelum melangkah ke alam kerjaya, saudara dan saudari perlu **bersiap sedia sama ada daripada segi fizikal dan mental**. Menyentuh mengenai aspek fizikal, saudara dan saudari seharusnya dapat menitikberatkan mengenai **kemahiran penampilan diri**.

14. Penampilan diri amat berhubung kait dengan cara kita berpakaian, gaya pertuturan atau bijak menyesuaikan diri dalam khalayak ramai. Saya amat berharap agar saudara dan saudari dapat memiliki dan memantapkan kemahiran ini kerana saudara dan saudari bukan sahaja mencerminkan diri sendiri malah **turut membawa imej Universiti** ke dunia luar.

15. Oleh yang demikian, cari dan rebutlah peluang untuk meningkatkan lagi kemahiran ini dengan **melibatkan diri secara aktif** dalam badan-badan atau institusi – institusi professional mahupun badan-badan kesukarelawanan seperti 1M4U dan sebagainya.

Para graduan yang saya hormati sekalian,

16. Turut menjadi teras yang paling utama dalam pengukuhan kecemerlangan seseorang teknokrat dan profesional ialah **penghayatan nilai integriti yang tinggi**. Ilmu dan profesionalisma, tanpa adanya nilai dan budaya integriti, tentunya tidak akan menjamin pembangunan yang makmur dan sejahtera kepada negara kita.

17. Budaya rasuah, tidak amanah, tidak bertanggungjawab, berpecah belah, bersikap perkauman dan lain-lain sikap negatif yang bercanggah dengan budaya berintegriti, mestilah dikikis dari hidup kita. Jagalah diri kita daripada sebarang anasir yang boleh merosakkan masa depan dan nama baik kita sendiri, keluarga dan universiti ini.

18. Saya yakin, para graduan di dalam dewan ini adalah generasi muda yang telah terdidik minda, emosi, akhlak dan jatidiri, tentunya bakal menerajui pembangunan negara kita yang tercinta ini dengan penuh amanah dan bertanggungjawab.

Hadirin yang dihormati sekalian,

19. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan, dan seterusnya kepada ibubapa dan seluruh ahli keluarga para graduan yang hadir hari ini.

20. Ucapan tahniah dan terima kasih juga saya panjangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, Kerajaan Negeri Johor, seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, wakil-wakil media dan seterusnya kepada Profesor Dato' Dr. Mohd Noh Bin Dalimin, Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta seluruh warga kerja Universiti yang terlibat dalam menjayakan usaha-usaha murni Universiti ini.

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan, memandangkan hari ini merupakan hari yang bersejarah buat saudara dan saudari sekalian, tidak keterlaluan sekiranya saya turut mengambil kesempatan di sini untuk **mengucapkan Selamat Hari Jadi** kepada Saudara Teng Ken Wei dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Saudari Nur Rabiul Liyana binti Mohamed dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang meraikan ulang tahun kelahiran mereka pada hari ini. *We wish you all the success and happiness in the world. Happy Birthday!*

22. Harapan dan pesanan saya ialah semoga saudara dan saudari dapat meneruskan serta menyemarakkan lagi obor kecemerlangan UTHM kerana anda semua adalah penyambung warisan Universiti ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2087>